

Corak perbelanjaan dan pemilikan aset dalam kalangan penjawat awam

Rohaizah Binti Muhamad, Noordeyana Tambi

Pusat Kajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Noordeyana Tambi (email: deyana@ukm.edu.my)

Received: 22 March 2022; Accepted: 17 February 2023; Published: 24 February 2023

Abstrak

Pemilikan aset dapat memberi pelbagai manfaat kepada pemilik dan melambangkan pencapaian diri seseorang serta seisi rumah. Walau bagaimanapun, pemilikan aset sinonim dengan penambahan peningkatan hutang seisi rumah khususnya dalam kalangan penjawat awam sekiranya corak perbelanjaan tidak diuruskan dengan sistematik. Maka, matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis pemilikan aset dalam kalangan penjawat awam dan mengkaji elemen kewangan iaitu pengetahuan kewangan, sikap kewangan dan sumber kewangan dalam perbelanjaan terhadap aset-aset yang dimiliki. Seterusnya, mengkaji corak perbelanjaan penjawat awam dalam memiliki aset sama ada untuk memenuhi keperluan fisiologi dan sosiologi atau kemahuan dan kehendak. Elemen kewangan dan corak perbelanjaan dalam pemilikan aset diukur untuk melihat dengan lebih jelas hubungan di antara kedua-dua pembolehubah ini. Kajian kuantitatif ini melibatkan seramai 396 orang responden yang terdiri daripada penjawat awam di Putrajaya. Hasil kajian menunjukkan bahawa penjawat awam mengutamakan keperluan asas sebelum memenuhi keperluan yang lain sekaligus menepati Teori Hierarki Keperluan Manusia Maslow (1943) yang menafsirkan keperluan asas manusia perlu dipenuhi sebelum keperluan lain dipenuhi. Secara keseluruhan, melalui ujian korelasi yang dijalankan, elemen kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan corak perbelanjaan dalam memiliki aset seisi rumah. Implikasi kajian ini dapat menjelaskan corak perbelanjaan dalam pemilikan aset seisi rumah dalam kalangan penjawat awam khususnya dalam pengurusan ekonomi keluarga.

Kata kunci: Aset, corak perbelanjaan, pengetahuan kewangan, sikap kewangan, sumber kewangan

Expenditure patterns and asset ownership among civil servants

Abstract

Asset ownership could bring variety of benefits and could be portrayed as symbol of self and household-accomplishment. However, asset ownership is synonymous with increasing in household debt, especially among civil servants if spending patterns are not managed systematically. Therefore, this study was conducted to assessed the spending pattern in acquiring assets among the civils servants whether it meets the physiology & sociology needs and desire.

Financial elements and spending patterns in asset ownership were measured to see more clearly the relationship between these two variables. This quantitative study involved 396 respondents of civil servants in Putrajaya. The finding shows that civil servants prioritize basic needs before meeting other requirements while in line with Maslow's Theory of Hierarchy of Human Needs (1943) which interprets basic human needs must be met before other needs are met. Overall, through the correlation test conducted, the financial element had a significant relationship with the spending pattern in owning the assets of the whole household. The implications of this study can explain the spending pattern in household asset ownership among civil servants, particularly in family economic management.

Keywords: Asset, financial patterns, financial knowledge, financial behavior, financial sources

Pengenalan

Idealnya, setiap individu pasti mahu memiliki aset hasil usaha bekerja keras setelah sekian lama bagi mencapai taraf kehidupan yang lebih baik. Melalui perancangan sumber pendapatan yang baik pula, seseorang individu dilihat lebih mudah menguruskan pendapatan yang diperolehi dan aset yang dimiliki. Pemilikan aset menjadi pengukur dalam menentukan bagaimana sesuatu sumber pendapatan itu diuruskan demi mencapai tahap kesejahteraan individu atau seisi rumah. Dalam kata lain, pemilikan aset menggambarkan kedudukan kewangan isi rumah tentang tahap keupayaan individu untuk memiliki aset seisi rumah. Logikinya, individu yang memperoleh pendapatan tetap lebih mudah untuk membuat perancangan kewangan berbanding individu yang memperoleh pendapatan tidak menentu (Fidlizan et al., 2015).

Namun begitu, perancangan dan pengurusan aset yang dimiliki memerlukan ilmu dan kemahiran perancangan kewangan yang sistematik. Menurut Laporan Bank Negara Malaysia (BNM) tahun 2014, menyatakan bahawa secara konsepnya, aset-aset yang dimiliki memberi pelbagai manfaat pemilikan kepada seseorang individu. Pertama, aset-aset yang dimiliki boleh dijual semula bagi membiayai perbelanjaan seisi rumah. Melalui kaedah ini, keuntungan modal dapat dimanfaatkan dengan lebih cepat terutama dalam kalangan individu yang mempunyai aset kewangan yang lebih mudah tunai. Keduaanya, simpanan bagi tujuan persaraan dapat dikurangkan apabila aset yang dikumpul pada masa ini berperanan sebagai simpanan pada mendatang kerana nilai aset-aset dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa. Oleh itu, jumlah yang simpanan pada masa kini dapat dikurangkan dan secara tidak langsung dapat membantu seisi rumah untuk menggunakan wang tersebut bagi tujuan keperluan asas yang lain. Akhir sekali, apabila berlaku waktu kecemasan misalnya, aset-aset dapat digadaikan dan seterusnya isi rumah dapat membuat pinjaman berdasarkan hasil nilai gadaian aset-aset mereka.

Secara realiti, kegagalan menguruskan akan meningkatkan kecenderungan untuk menambah hutang dalam kalangan pengguna apabila melibatkan risiko nilai pulangan atau pun harga aset yang lebih tinggi, terutamanya harta tanah. Kesannya, kekurangan pendapatan boleh guna bagi keperluan isi rumah, secara tidak langsung akan menjejaskan penggunaan terhadap keperluan asas pada masa hadapan. Kajian lepas oleh Cai et al. (2020) mendapati bahawa isi rumah yang kerap membuat pemotongan kepada keperluan asas mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang rendah. Laporan BNM (2019) juga menyatakan bahawa situasi ini menjadi lebih buruk apabila terdapat peminjam yang mempunyai bebanan untuk membayar balik hutang adalah lebih tinggi memandangkan sumber pendapatan mereka jauh lebih rendah.

Tambahan pula, Laporan BNM (2022) mendedahkan bahawa baru-baru ini, hutang isi rumah semakin kembali kepada aras sebelum pandemik Covid-19. Peningkatan hutang isi rumah ini dilaporkan meningkat lebih pantas pada pertengahan tahun 2019 disebabkan oleh pinjaman untuk pembelian harta kediaman dengan inisiatif kerajaan dalam pelancaran Kempen Pemilikan Rumah, kemudahan pembiayaan perumahan seperti Lembaga Perumahan Pembiayaan Sektor Awam (LPPSA), pinjaman peribadi bagi tujuan pembelian aset-aset lain serta pinjaman kad kredit. Berdasarkan kepada Laporan BNM (2022) di Jadual 1, terdapat peningkatan kepada nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) daripada 68.8 peratus pada tahun 2006 kepada 82.7 peratus pada akhir tahun 2020 seiring dengan perkembangan hutang seisi rumah.

Jadual 1. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK

Tahun	Nisbah hutang isi rumah (%)
2006	68.8
2010	76.0
2016	84.4
2019	82.7
2020	93.2
2021	89.0
2022	84.5

Sumber: Bank Negara Malaysia, 2022

Melihat kepada trend status hutang pada masa ini, tindakan awalan perlu diambil bagi mengurangkan peningkatan dalam ketidakseimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan. Oleh itu, penilaian terhadap perkembangan kewangan perlu diteruskan supaya langkah-langkah awalan dapat diambil supaya masyarakat dapat memperbaiki pengurusan kewangan bagi tempoh jangka panjang. Bagi memenuhi keperluan kewangan semasa dan akan datang, individu perlu celik kewangan bagi memastikan keupayaan dalam membuat keputusan kewangan yang bijak. Tambahan pula, pada zaman teknologi serba canggih ini, masyarakat semakin mudah untuk mengakses produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin banyak wujud di pasaran. Oleh yang demikian, pentingnya pengetahuan kewangan dalam kalangan masyarakat supaya perbelanjaan, simpanan dan pelaburan dapat dibuat dengan bijak.

Corak perbelanjaan terhadap pemilikan aset dalam kalangan penjawat awam

Pemilikan aset di kalangan penjawat awam dilihat semakin berkembang sejak akhir-akhir ini. Hal ini berdasarkan laporan oleh BNM (2018) yang mendedahkan bahawa komposisi melibatkan pinjaman penjawat awam menunjukkan hampir separuh daripada pinjaman yang dilakukan oleh penjawat awam adalah untuk bayaran asset dan liabiliti seperti harta kediaman, pinjaman peribadi dan komitmen kenderaan persendirian. Walau bagaimanapun, laporan BNM 2018 juga melaporkan bahawa status hutang tersebut terus meningkat dan masih belum dijelaskan sejak tahun 2012 sehingga tahun 2018. Status peminjaman dalam kalangan penjawat awam pula jauh lebih tinggi daripada kadar purata negara. Lebih membimbangkan, keupayaan pembayaran balik hutang di kalangan penjawat awam adalah lebih rendah berbanding kadar purata peminjam. Berdasarkan laporan BNM, jelas menunjukkan bahawa penjawat awam membelanjakan lebih

daripada separuh pendapatan bulanan mereka untuk membayar hutang, secara tidak langsung menjadikan kadar simpanan mereka adalah sangat terhad. Hal ini terbukti apabila lebih daripada 49,000 kakitangan awam Malaysia berhadapan dengan masalah muflis berpunca daripada masalah hutang (BNM, 2018).

Oleh itu, penjawat awam perlu mempunyai strategi perancangan kewangan yang baik lebih-lebih lagi dalam kehidupan yang sangat mencabar pada masa ini dan memerlukan mereka untuk mempunyai pengetahuan kewangan yang sangat baik. Tambahan pula, pelbagai kemudahan kewangan seperti kemudahan pinjaman dan pelaburan kerap ditawarkan kepada pekerja sektor awam. Pada masa yang sama, penjawat awam juga disediakan dengan pelbagai insentif supaya mereka dapat menguruskan perbelanjaan dengan baik untuk membina kehidupan yang selesa. Seiring kajian Gitman et al. (2011), elemen-elemen kewangan perlu dipertimbangkan untuk mencapai sesuatu matlamat kewangan. Beberapa penemuan sebelum ini menyatakan pengetahuan kewangan saling berkait dengan tahap pengurusan kewangan yang baik (Hogart & Hilgert, 2002; Anderloni & Vandone, 2011; Lusardi & Tufano, 2015).

Tidak dinafikan, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam memastikan penjawat awam sentiasa celik kewangan. Pendedahan kepada pelbagai latihan dan kursus melibatkan pengurusan kewangan di organisasi dan jabatan kerajaan telah menyumbang kepada tahap pengetahuan yang baik dalam kalangan penjawat awam. Seiring kajian oleh Ishak & Mohd Yazid (2020), tahap pengetahuan kewangan penjawat awam adalah agak baik berbanding sikap kewangan yang masih pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, pengetahuan kewangan tanpa sikap kewangan yang baik tidak menjamin kesejahteraan kewangan (Zaimah et al., 2014). Punca utama menyebabkan masalah kewangan yang semakin meningkat di kalangan penjawat awam adalah dikatakan berkait dengan gaya hidup di luar kemampuan (Mohd Azam & Abd Basir, 2018). Hal ini menyebabkan corak perbelanjaan dalam kalangan penjawat awam sukar dikawal lebih-lebih lagi peluang dan kepelbagaian produk di pasaran terlalu banyak (Ishak & Mohd Yazid, 2020). Oleh itu, corak perbelanjaan terhadap pemilikan aset dalam kalangan penjawat awam perlu diberi perhatian untuk membolehkan mereka berada dalam kesejahteraan kewangan yang baik.

Pemilikan aset

Berdasarkan definisi oleh BNM (2014), aset dikategorikan dalam dua bentuk. Pertama, aset berbentuk aset mudah tunai seperti pelaburan saham, deposit tetap (*fixed deposit*), dan unit amanah. Kedua, aset yang bukan mudah tunai seperti kekayaan perumahan. Laporan Ekonomi 2006/2007 yang dikeluarkan oleh MOF pula mendefinisikan aset merupakan semua harta yang mempunyai tempoh jangka hayat yang lama seperti kediaman, bangunan dan jentera. Seiring dengan kajian Searle dan Koppe (2014), aset dikenali sebagai modal dalam bentuk fizikal seperti rumah dan kereta, manakala dalam bentuk kewangan seperti saham atau pelaburan lain. Berdasarkan kepada definisi-definisi tersebut, aset merupakan sumber pendapatan pada masa akan datang. Pemilikan aset pula didefinisikan sebagai jual beli yang sah secara berkontrak kepada pemilik untuk menggunakannya secara mutlak atau melupuskan barang yang dimiliki (Nik Abdul Rahim et al., 2017).

Menurut kajian Turney dan Schneider (2016), pemilikan aset dilihat penting untuk mencapai kesejahteraan dalam kehidupan kerana ia mempunyai nilai simbolik yang memberi manfaat kepada individu dan seisi rumah. Malah, pemilikan aset turut digunakan sebagai indikator status kewangan seseorang (Fidlizan et al., 2015). Ia jelas menggambarkan bahawa pengukuran kesejahteraan dalam kehidupan bukan sahaja diukur melalui pendapatan dan sebagainya, malah ia

diukur berdasarkan kepada aset-aset yang dimiliki dalam sesebuah keluarga. Seiring dengan kajian Norzita dan Siti Hadijah (2014) yang menyatakan bahawa pengukuran kemiskinan bukan sahaja diukur dari sudut pendapatan, malah ia dikaitkan dengan tiada sebarang pemilikan aset atau harta benda dalam sebuah keluarga. Di China, aset-aset yang dimiliki menjadi petunjuk kepada kesejahteraan ekonomi dan simbolik kekayaan dalam sesebuah keluarga apabila dapatan menunjukkan bahawa sebahagian pendapatan mereka banyak dibelanjakan dalam pengumpulan aset kediaman (Chen et al., 2020).

Selain itu, pemilikan aset dilihat memberi makna yang berbeza kepada segelintir keluarga dari segi kesejahteraan kehidupan. Penemuan dalam kajian Atterhog dan Song (2009) menyatakan bahawa pemilikan aset memberi kebaikan kepada anak-anak dari aspek tumbesaran dan perkembangan minda. Selain harta benda, pendidikan juga dikategorikan sebagai aset dalam sesebuah keluarga. Dalam keluarga yang berpendapatan rendah, mereka bergantung kepada hasil pendidikan anak-anak sebagai aset untuk meningkatkan taraf hidup mereka (Filmer & Pritchett, 1999). Ia memberi gambaran bahawa interpretasi pemilikan aset bukan dilihat dalam bentuk fizikal dan maujud sahaja, malah aset juga merupakan hasil daripada pelaburan yang dibuat pada masa kini yang diraih pada masa hadapan.

Elemen kewangan

Menurut Murugiah (2016), komitmen untuk membuat keputusan kewangan yang berhemah adalah dengan adanya pengetahuan kewangan dan sikap kewangan. Menurut Remund (2010) dan Rusliza et al. (2018), prinsip kewangan perlu terdiri daripada pengetahuan mengenai konsep kewangan dan sikap kewangan dalam membuat sebarang keputusan kewangan. Selain itu, sumber kewangan juga merupakan penentu yang akan memberi kesan kepada corak perbelanjaan seisi rumah. Menurut Zulkainain (2017), corak perbelanjaan bagi isi rumah dilihat berubah-ubah mengikut sumber pendapatan yang ada dan mereka lebih cenderung untuk membuat perbelanjaan sekiranya sumber kewangan bertambah.

a. Pengetahuan kewangan

Pengetahuan kewangan merupakan maklumat kewangan yang diperolehi daripada pengalaman seseorang atau orang sekeliling dan digunakan dalam membuat keputusan kewangan. Seiring dengan kajian oleh Nurulhayah et al. (2019) yang menyatakan bahawa pengetahuan terdiri daripada maklumat yang oleh diperolehi dalam bentuk kebenaran dan prinsip melalui pengalaman diri sendiri atau sumber lain bagi mencapai matlamat.

Secara umumnya, pengetahuan kewangan dilihat memberi kesan kepada amalan pengurusan kewangan dalam kehidupan seseorang. Amalan pengurusan kewangan yang baik dapat dipengaruhi oleh tahap pengetahuan kewangan yang tinggi dalam diri seseorang (Siti Ruhani, 2016; Hairunnizam & Siti Aisyah, 2020; Rusliza et al., 2018). Kajian Irine dan Angela (2016) menyatakan bahawa dari segi pengetahuan kognitif akan membawa kepada apa yang diketahui oleh individu mengenai masalah kewangan peribadi, bagaimana persepsi tahap pengetahuan individu mengenai pelbagai konsep kewangan peribadi. Dapatan ini juga seiring dengan dapatan kajian oleh Rusliza et al. (2018) yang menyatakan bahawa pengetahuan kewangan memberi kelebihan kepada seseorang dalam membantu menguruskan pemilikan aset menggunakan sumber kewangan dengan berkesan. Dalam membuat keputusan kewangan, tiga aspek yang diperlukan adalah pengetahuan kewangan mengenai kefahaman mengenai sesuatu

teori dan produk kewangan, penilaian terhadap persekitaran kewangan dan keupayaan menggunakan sumber kewangan.

Menurut kajian Mohamad Fazli et. al (2019), faktor pengetahuan kewangan adalah tidak signifikan dengan status beban hutang seseorang. Hal ini bercanggah dengan kajian oleh Amagir et al. (2018) yang mendapati tahap pengetahuan dapat menjadikan seseorang individu itu mempunyai persepsi yang berbeza dalam mengambil risiko dalam pelaburan yang dapat mengelakkan seseorang individu itu terus terjebak dengan bebanan hutang. Kajian Yiing (2015) pula mendapati pengetahuan kewangan dilihat sebagai faktor utama dalam membentuk kewangan yang positif. Oleh yang demikian, pendidikan kewangan dilihat sebagai strategi intervensi dalam meningkatkan pengetahuan kewangan individu kerana ia mendorong kepada pengalaman dan sikap yang positif. Tetapi penemuan oleh Irine dan Angela (2016) mendapati bahawa pendidikan kewangan pula kurang berkesan dalam membentuk pengetahuan kewangan di kalangan kumpulan yang berpendapatan sederhana.

Beberapa pengkaji lepas mengukur pengetahuan kewangan responden berdasarkan kepada soalan yang berkaitan dengan pengetahuan. Antaranya mengenai numerasi, faedah kompaun, inflasi dan kepelbagaian risiko (Hasler & Lusardi, 2017). Kaedah pengukuran ini juga dicadangkan dalam kajian Bushan dan Medury (2014). Dengan menggunakan asas pengukuran tersebut, Kamini et al. (2019) dalam kajiannya mengukur pengetahuan kewangan wanita di negara India dengan bertanyakan soalan-soalan berkaitan kepada pengiraan kewangan, simpanan dan pelaburan, pinjaman, insurans, risiko dan pulangan pelaburan. Begitu juga dengan kajian oleh Abu Sufian (2019) turut menggunakan ukuran celik kewangan berdasarkan tahap pengetahuan kewangan dengan menguji mahasiswa tentang konsep asas kewangan sepertimana yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

Pengetahuan kewangan di kalangan majoriti rakyat Malaysia pula telah dikaji oleh Kimiyaghalam dan Yap (2017) dan menunjukkan mereka mempunyai asas pengetahuan kewangan yang baik. Walau bagaimanapun, dalam kalangan rakyat Malaysia, penemuan oleh Noor Izyani dan Khadijah (2019) mendapati bahawa golongan muda mempunyai tahap pengetahuan yang lemah dan ini menjejaskan amalan pengurusan kewangan terutama dalam kredit dan hutang. Kajian di luar negara telah dilakukan oleh Yunju Nam et al. (2015) dan mendapati selain faktor ekonomi yang tidak menentu, faktor lain seperti tahap pengetahuan yang rendah di kalangan imigran juga menyebabkan mereka kurang kesedaran untuk memiliki aset seperti kenderaan, kediaman dan simpanan.

b. Sikap kewangan

Sikap kewangan merupakan elemen utama untuk menguruskan kewangan secara berkesan yang berkait rapat dengan pengetahuan kewangan seseorang itu. Seiring dengan beberapa kajian lepas yang menyatakan bahawa sikap kewangan saling berhubung dengan pengetahuan kewangan dan kedua-dua elemen ini dapat membentuk tahap literasi kewangan yang tinggi (Moore, 2013; Bushan & Medury, 2014; Nguyen & Tran, 2015; Rusliza et al., 2018; Kasman et al., 2018). Ini kerana sikap kewangan yang baik meningkatkan tahap kecekapan dan lebih bersistematik dalam urusan kewangan kerana didorong oleh pengetahuan kewangan dan pengalaman kewangan yang tinggi (Nurul Liyana & Liyana Syazwina, 2019). Sikap kewangan dapat digambarkan sebagai kecenderungan psikologi seseorang individu dalam menilai amalan pengurusan kewangan yang mapan dengan tahap penerimaan yang berbeza-beza (Parotta & Johnson, 1998). Selain itu, golongan muda pula didapati sering terlibat dengan masalah kewangan kerana sikap kewangan

yang rendah di kalangan mereka (Lim, 1997; Madern, 2012). Justeru, melalui pendidikan terhadap kewangan, sikap kewangan didapati bertambah baik yang akhirnya dapat mengurangkan kebergantungan kepada kad kredit (Ibrahim & Alqaydi, 2013).

Selain itu, kajian oleh Stromback et al. (2017) menyatakan faktor psikologi, seperti kawalan diri, faktor persekitaran dan interaksi sosial dalam mempengaruhi sikap kewangan individu dalam pengurusan kewangan. Justeru, sikap kewangan dapat menghindarkan seseorang individu dalam pembuatan keputusan yang tidak baik, malah sikap kewangan yang sihat dapat memastikan sesuatu aktiviti perancangan, pengurusan dan kawalan kewangan dibuat dengan yang baik (Park & Sela, 2017; Mohamad Fazli & Teo, 2014). Sikap kewangan responden di luar negara telah dikaji melalui amalan mereka dalam membuat simpanan kecemasan, corak pembuatan keputusan, kecenderungan perbelanjaan, minat dan kegelisahan dalam masalah kewangan (Funfgeld & Wang, 2009; Ibrahim & Alqaydi, 2013).

c. Sumber kewangan

Menurut Xiao (1997), sumber kewangan adalah penentu penting yang menyebabkan pergerakan perbelanjaan seisi rumah dari satu peringkat keperluan ke tahap keperluan yang lebih tinggi. Kajian tersebut disokong oleh Husniyah dan Fazilah (2009) yang mendapati bahawa pendapatan keluarga berkait rapat dengan perancangan kewangan seisi rumah. Simpanan masa depan dan pelaburan hanya dapat dilakukan sekiranya seseorang individu itu mempunyai lebih pendapatan. Sebaliknya jika tidak mencukupi, perancangan kewangan yang baik dapat membantu untuk menentukan gaya hidup yang baik dalam berbelanja (Amim et al., 2018). Perancangan kewangan di kalangan pengguna adalah bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan (Husniyah et al., 2015) kerana perancangan kewangan adalah berkait rapat dengan jumlah pendapatan serta tuntutan kewangan mereka (Noor Izyani et., 2019).

Kajian oleh Junaidi et al. (2020) mendapati bahawa kemampuan seseorang untuk memiliki aset kediaman adalah dipengaruhi oleh jumlah pendapatan isi rumah. Kajian ini selari dengan kajian oleh Doss (2005) dan Deere et al. (2012) yang mendapati bahawa sumber pendapatan pasangan membantu seisi rumah dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi keluarga di mana sumbangan pendapatan wanita bekerja memberi kelebihan dari segi pengurusan kewangan. Peningkatan dalam jumlah pendapatan isi rumah dilihat dapat merangsang corak perbelanjaan untuk pendidikan (Andreou, 2012). Selain itu, kajian Junaidi et al. (2020) juga mendapati sumber kewangan seperti simpanan amat bermakna bagi isi rumah yang berpendapatan sederhana dalam memiliki aset kediaman.

Corak perbelanjaan

Corak perbelanjaan pada asasnya merupakan agihan pendapatan bagi perbelanjaan sesebuah rumah isi rumah terhadap barangan keperluan seperti makanan, pakaian dan perbelanjaan mengurus. Walau bagaimanapun, corak perbelanjaan dapat ditafsirkan sebagai petunjuk yang berbeza berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini meneliti corak perbelanjaan dalam konteks pemilikan aset menggunakan konsep keperluan manusia (Maslow, 1943).

Keperluan fisiologi dan sosiologi

Berdasarkan kepada Maslow (1943), keperluan manusia itu perlu dipenuhi secara berperingkat. Dalam peringkat piramid keperluan manusia, mereka perlu memenuhi keperluan hayat atau pun keperluan fisiologi sebelum manusia itu hendak memenuhi kehendak yang lain. Keperluan hayat atau pun keperluan fisiologi berada pada peringkat paling asas kerana kekurangan keperluan ini akan mengakibatkan kesihatan dan pendidikan seisi rumah terjejas.

Kajian oleh Junaidi et al. (2020) pula mendapati selain makanan dan minuman, pemilikan rumah contohnya, dilihat sebagai keperluan asas yang turut penting untuk perlindungan manusia. Seterusnya, keperluan kedua dalam sistem peringkat Maslow (1943), merujuk kepada keperluan keselamatan seperti pemilikan insurans. Kemudian barulah manusia bergerak ke peringkat keperluan yang lebih tinggi bagi memenuhi hasrat diri seperti berkaitan dengan cita-cita. Kajian oleh Keister & Moller (2000) dan Akinbode (2017) yang mendapati bahawa pemilikan aset adalah aspek utama kesejahteraan individu dan rumah tangga yang memberi manfaat kepada perkembangan minda seisi rumah. Sebagai contoh, kesejahteraan dalam kehidupan dapat dilihat dengan jelas apabila memiliki rumah sendiri berbanding dengan menyewa kerana kesannya dapat meningkatkan kestabilan dari aspek tempat tinggal. Apabila kesejahteraan tercapai dengan memiliki rumah, perkembangan pendidikan anak-anak turut terkesan secara positif (Barker, 2013). Ini berikutan daripada kajian Lerman dan McKernan (2008) yang menyatakan bahawa pemilikan aset seisi rumah dapat meningkatkan kesihatan dan pendidikan di kalangan kanak-kanak.

Dari aspek sosiologi, kajian Nur Jannah et al. (2018) menjelaskan bahawa perbelanjaan turut melibatkan keperluan bersosial demi tanggungjawab dalam keluarga, juga masyarakat dan agama dan tidak hanya tertumpu kepada perbelanjaan berbentuk material sahaja. Kajiannya juga menyatakan peningkatan pendapatan mempengaruhi kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat dalam mementingkan perbelanjaan kesihatan dan perlindungan diri. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa golongan belia sangat menjaga perhubungan kerana mereka sentiasa menyediakan perbelanjaan bagi keperluan orang lain dan pada masa yang sama memenuhi tanggungjawab sebagai anak ataupun ketua keluarga.

Kemahuan dan kehendak

Kajian oleh Juliati (2013) menyatakan wang suatu keperluan untuk mendapatkan segala apa yang diinginkan. Oleh itu, semua orang akan berusaha dan sanggup bekerja untuk mendapatkan wang bagi menampung keperluan hidup dan mencapai segala keinginan mereka. Masyarakat pada masa kini tidak mementingkan cara perbelanjaan yang berhemah walaupun pada hakikatnya ia amat penting di dalam kehidupan. Hal ini kerana, pendapatan dan cita rasa banyak mempengaruhi gaya perbelanjaan masa kini (Mohd Azam & Abd Basir, 2018). Masyarakat pada masa kini masih keliru dalam menentukan antara perbelanjaan yang perlu atau mengikut kehendak sehingga menimbulkan konflik dalam pengurusan kewangan. Menurut Adil (2008), faktor yang mendorong seseorang untuk berhutang adalah semata-mata demi memenuhi kehendak di luar kemampuan sehingga sanggup berhutang dan bagi tujuan kepuasan diri untuk bermegah-megah.

Kajian oleh Nuraini dan Mohamad Fazli (2016) mendapati bahawa perbelanjaan yang tidak selari dengan pendapatan merupakan salah satu punca pengurusan hutang yang tidak teratur hanya semata-mata untuk memenuhi keinginan. Kajian oleh Alidaniah et al. (2017) pula mendapati bahawa isi rumah di kawasan bandar gemar bermewah-mewah dengan membeli barangan mewah dan mahal dan menjadi pengukur dalam menentukan harga diri seseorang. Hal ini boleh memberi tekanan kepada segelintir individu yang berasaskan diri mereka tidak setaraf dengan individu lain. Seiring dengan kajian oleh Ye et al. (2015) menyatakan bahawa tujuan mengutamakan gaya hidup

mewah disebabkan demi mendapatkan penghargaan daripada masyarakat. Akibatnya, trend terhadap gaya dan sikap hidup bermewah ini akan mengheret isi rumah kepada tabiat yang buruk serta menyebabkan berlakunya masalah kewangan yang serius. Seiring kajian Naz (2016) yang menyatakan bahawa gaya hidup mewah menjadi satu ikutan pada masa kini dan menjadi satu keperluan untuk berbelanja mengikut kemahuan dan kehendak.

Metodologi kajian

Kajian kuantitatif ini melibatkan seramai 396 orang responden yang terdiri daripada penjawat awam di Putrajaya khususnya di kawasan Pentadbiran Persekutuan, Wilayah Persekutuan, Putrajaya. Kawasan Pentadbiran Persekutuan, W.P Putrajaya pada masa ini menempatkan sebanyak 24 buah Kementerian/ jabatan kerajaan dan menempatkan keseluruhan penjawat awam seramai 84,259 orang.

Instrumen kajian

Terdapat empat bahagian dalam borang soal selidik ini yang perlu dijawab oleh responden iaitu bahagian A: Latar Belakang Responden, bahagian B: Jenis Pemilikan Aset, bahagian C: Tahap elemen kewangan iaitu pengetahuan kewangan, sikap kewangan dan sumber kewangan dan D: Corak perbelanjaan dalam pemilikan aset. Bagi item di bahagian C dan D, kajian ini telah menggunakan skala Likert sebagai pilihan jawapan responden.

Dapatan kajian

Profil responden dengan jenis pemilikan aset

Berdasarkan kepada profil responden, dapat dirumuskan bahawa kumpulan yang berumur 31-40 tahun tergolong dalam kumpulan yang berpendapatan RM9,001 ke atas dengan tempoh perkhidmatan antara 10-15 tahun. Pada lingkungan umur dan tahap pendapatan ini juga, kumpulan ini sedang membina keluarga di mana peningkatan saiz rumah memiliki kepelbagaian aset. Sebagai contoh, pertambahan isi rumah menyebabkan peningkatan keperluan keluarga untuk memiliki rumah sendiri. Pertambahan isi rumah juga mendorong pemilik untuk menambah ruang apabila bertambahnya bilangan isi rumah (Atterhog & Song, 2009). Bagi situasi pemilikan aset insurans, kajian oleh Rubayah dan Norhamizah (2017) mendapati bilangan tanggungan yang ramai mempengaruhi dalam pemilikan aset insurans. Kesimpulannya, pada tahap ini, kehidupan stabil bagi penjawat awam dapat dilihat apabila mencecah 10 tahun perkhidmatan. Pada umur 31-40 tahun, penjawat awam mula memiliki rumah berbanding pemilikan kenderaan. Seiring kajian Thomas (2014) yang menyatakan bahawa pemilikan kenderaan hanya dimiliki pada usia muda berbanding aset rumah.

Jadual 2. Korelasi elemen kewangan dan elemen corak perbelanjaan

Hipotesis		Ujian statistik	Keputusan	
			Nilai statistik	Hipotesis
H ₀₁	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan keperluan fisiologi dan sosiologi	Korelasi Pearson	r=0.455** p=0.00 (p<0.05)	Ditolak
H ₀₂	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan kemahuan dan kehendak	Korelasi Pearson	r=0.123* p=0.014 (p<0.05)	Ditolak
H ₀₃	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap kewangan dengan keperluan fisiologi dan sosiologi	Korelasi Pearson	r=0.361** p=0.00 (p<0.05)	Ditolak
H ₀₄	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap kewangan dengan kemahuan dan kehendak	Korelasi Pearson	r=-0.048** p=0.345 (p>0.05)	Diterima
H ₀₅	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sumber kewangan dengan keperluan fisiologi dan sosiologi	Korelasi Pearson	r=0.377** p=0.00 (p<0.05)	Ditolak
H ₀₆	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sumber kewangan dengan kemahuan dan kehendak	Korelasi Pearson	r=0.213** p=0.00 (p<0.05)	Ditolak
H ₀₇	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara elemen kewangan dengan elemen corak perbelanjaan dalam pemilikan aset	Korelasi Pearson	r=0.338** p=0.00 p<0.05	Ditolak

Jadual 2 menunjukkan terdapat hubungan secara signifikan di antara elemen kewangan dan corak perbelanjaan dalam pemilikan aset secara keseluruhan walaupun analisis korelasi menunjukkan hubungan antara elemen kewangan dan corak perbelanjaan aset adalah lemah ($r=0.338^{**}$, $p<0.05$). Perkaitan yang signifikan di antara elemen kewangan dan corak perbelanjaan dalam pemilikan aset menunjukkan elemen kewangan iaitu pengetahuan kewangan, sikap kewangan dan sumber kewangan saling mempengaruhi corak perbelanjaan dalam pemilikan aset seisi rumah. Dari segi perbandingan, elemen kewangan mempunyai hubungan korelasi dengan kekuatan nilai pekali r yang lebih tinggi berbanding hubungan di antara elemen kewangan dengan kemahuan dan kehendak. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa perbelanjaan dalam memiliki aset dilakukan bagi memenuhi keperluan di peringkat asas terlebih dahulu sebelum bergerak ke peringkat seterusnya. Dapatan ini turut menjelaskan teori Maslow (1943) yang menyatakan keperluan asas dipenuhi sebelum keperluan lain dipenuhi. Jadi perbelanjaan dalam pemilikan aset yang dianalogi daripada teori Maslow ini menggambarkan bahawa corak perbelanjaan dilakukan mengikut kepentingan dan manfaat kepada seisi keluarga.

Berdasarkan dapatan kajian bagi setiap elemen, didapati pengetahuan kewangan terhadap keperluan fisiologi dan sosiologi mempunyai hubungan korelasi dengan nilai kekuatan $r=0.455$ manakala pengetahuan kewangan terhadap kemahuan dan kehendak mempunyai hubungan korelasi dengan nilai kekuatan $r=0.123$. Dapatan ini menunjukkan, pengetahuan kewangan di kalangan penjawat awam bagi keperluan fisiologi dan sosiologi mempunyai hubungan korelasi positif yang lebih kuat berbanding dengan kemahuan dan kehendak. Kajian ini berpandangan bahawa hubungan positif di antara pengetahuan kewangan dan keperluan fisiologi dan sosiologi ini

dapat dilihat apabila kesemua responden memiliki aset kediaman untuk diduduki. Seiring dengan kajian oleh Zhang dan Xiuzhen (2010) yang mendapati kepentingan pengetahuan kewangan sebagai persediaan dalam setiap perubahan kitaran hidup lebih-lebih lagi apabila telah berkeluarga. Setelah keperluan ini dipenuhi, responden mula membeli aset kediaman kedua dan ketiga bagi tujuan sewaan menunjukkan bahawa pengetahuan kewangan turut mempunyai hubungan dengan kemahuan dan kehendak. Walaupun pemilikan aset pelaburan di kalangan penjawat awam masih lagi di tahap yang rendah, ternyata, motif pelaburan berkait rapat dengan faktor celik ekonomi yang sentiasa menyedari kenaikan harga aset pada masa akan datang (Fidlizan et al., 2015). Selain itu, pelaburan yang disokong oleh pengetahuan kewangan juga adalah sebagai jaminan keperluan oleh generasi pada masa akan datang (Maznita & Azman, 2013). Tanpa pengetahuan kewangan yang tinggi, tidak mudah untuk penjawat awam menggunakan pendapatan bagi tujuan pelaburan. Dapatan ini disokong oleh kajian Jarita dan Selamah (2003) yang menunjukkan bahawa kakitangan kerajaan lebih cenderung kepada risiko dalam pemilikan aset berbanding dengan pekerja sektor swasta. Hal ini dapat dikaitkan dengan keistimewaan yang ditawarkan kepada penjawat awam seperti kadar faedah yang rendah dan kemudahan pinjaman (Ishak & Mohd Yazid, 2020).

Sikap kewangan terhadap keperluan fisiologi dan sosiologi mempunyai hubungan korelasi dengan nilai kekuatan $r=0.361$ manakala sikap kewangan terhadap kemahuan dan kehendak tidak mempunyai hubungan korelasi dengan kemahuan dan kehendak dengan nilai kekuatan $r=-0.048$. Berdasarkan kepada hasil dapatan, hubungan di antara sikap kewangan di kalangan penjawat awam terhadap keperluan fisiologi dan sosiologi seiring dengan kajian Moore (2003) yang menyatakan bahawa semakin tinggi pengetahuan kewangan, semakin seseorang itu menunjukkan sikap kewangan yang positif. Disebabkan itu, hasil kajian ini secara tidak langsung menunjukkan sikap kewangan tidak mempengaruhi responden untuk memiliki aset bagi memenuhi kemahuan dan kehendak. Kajian ini berpandangan disebabkan cabaran dengan kos sara hidup yang tinggi secara tidak langsung telah menuntut mereka untuk meningkatkan ilmu dan disiplin dalam pengurusan kewangan masing-masing. Dapatan ini menggambarkan bahawa dengan pengetahuan kewangan dan sikap kewangan yang positif, telah mendorong sebilangan penjawat awam menggunakan pendapatan dalam pemilikan aset yang utama.

Sumber kewangan terhadap keperluan fisiologi dan sosiologi mempunyai hubungan korelasi dengan nilai kekuatan $r=0.377$ manakala sumber kewangan terhadap kemahuan dan kehendak mempunyai hubungan korelasi dengan kekuatan $r=0.213$. Dapatan ini menunjukkan sumber kewangan menyumbang dalam perbelanjaan terhadap aset bagi memenuhi keperluan fisiologi dan sosiologi. Kajian ini berpandangan bahawa hubungan korelasi di antara sumber kewangan bagi memiliki aset untuk keperluan fisiologi dan sosiologi ini dapat dilihat apabila pendapatan pasangan memainkan peranan dalam memiliki aset-aset utama seperti rumah pertama, kenderaan pertama dan penyertaan dalam beberapa jenis insurans.

Jenis pemilikan aset juga berbeza berdasarkan kepada profil responden. Hasil dapatan menunjukkan, kumpulan umur di antara 31-40 tahun mempunyai kepelbagaian aset iaitu aset kediaman, kenderaan, insurans dan pelaburan lain kerana tempoh ini boleh dikatakan mereka agak stabil untuk memiliki aset. Boleh dikatakan bahawa kumpulan yang berumur 31-40 tahun

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat hasil daripada dapatan ini adalah, corak perbelanjaan penjawat awam dalam pemilikan aset adalah berdasarkan keperluan fisiologi dan sosiologi di mana keperluan aset utama didahulukan diikuti dengan kemahuan dan kehendak. Walaupun sumber kewangan menyumbang kepada corak perbelanjaan dalam pemilikan aset, namun dengan tahap pengetahuan kewangan dan sikap kewangan yang tinggi membantu mereka mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dalam pembuatan keputusan kewangan secara berhemah dan mempunyai amalan kewangan yang baik dalam membelanjakan pendapatan dalam aset-aset tertentu. Maka, secara signifikannya dapat dilihat melalui corak perbelanjaan dalam pemilikan aset yang berhubungan kait dengan elemen kewangan iaitu pengetahuan kewangan, sikap kewangan dan sumber kewangan. Sekaligus, dapatan kajian ini adalah signifikan dengan pembangunan mampan yang menunjukkan penjawat awam mampu menguruskan kewangan mereka sebaiknya untuk tujuan persaraan.

Rujukan

- Abu Sufian Abu Bakar. (2019). Tahap Celik Kewangan Mahasiswa Universiti Utara Malaysia: Impak Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Mampan. *6th Annual ECoFI Symposium 2019*, Langkawi Kedah, Malaysia. Hlm. 1–9.
- Akinbode, S.O. (2017). Women Asset Ownership and Household Poverty in Rural Nigeria. *Journal of Studies in Social Sciences*, 16(1) 45-64.
- Anderloni, L., & Vandone, D. (2011). Risk of over-indebtedness and behavioural factors. *Risk tolerance in financial decision making* (pp. 113-132). Palgrave Macmillan, London.
- Atterhog, M., & Song, H. (2009). A Survey of Policies that may Increase Access to Home Ownership for Low Income Households. *Housing, Theory and Society*, 26(4), 248–270.
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2014). Prospek dan Dasar.
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2018). Tinjauan Kestabilan Kewangan-Separuh Pertama 2018.
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2019). Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2019.
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2022). Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2022.
- Chen, J., Hardin III, W., & Hu, M. (2020). Housing, wealth, income and consumption: China and homeownership heterogeneity. *Real Estate Economics*, 48(2), 373-405.
- Deere, C. D., Alvarado, G. E. & Twyman, J. (2012). Gender Inequality in Asset Ownership in Latin America: Female Owners vs Household Heads, *Development and Change*, 43(2), 505-530.
- Doss, C. (2005). The Effects of Intrahousehold Property Ownership on Expenditure Pattern in Ghana. *Journal of African Economies*, 15(1), 149-180.
- Fidlizan, M., Azila A.R., Mohd Yahya, M.H., & Fatimah Salwa, A.H. (2015). Kehidupan kelas menengah Malaysia: Satu kajian kes mengenai corak perbelanjaan guru dalam pemilikan aset dan pelaburan kewangan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space issue*, 11(11), 1 – 13.
- Filmer, D. & Pritchett, L. (1999). Household Wealth and Educational Attainment. *Population and Development Review*, 25(1), 85-120.
- Gitman, L.J., Joehnk, M.D. & Billingsly, R.S. (2011). *Personal Financial Planning Boston: Cengage Learning*, pg. 7.

- Hairunnizam, W., & Siti Aisyah, Z. (2020). Literasi Kewangan dan Kesannya Terhadap Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1), 27-43.
- Ibrahim, M. E. & Alqaydi, F.R. (2013). Financial Literacy, Personal Financial Attitude and Forms of Personal Debt among Residents of the UAE. *International Journal of Economics and Finance*, 5(7), 126-138.
- Irine, H. & Lady Angela, D. (2016). Pengaruh Financial Attitude, Financial Knowledge, Parental Income Terhadap Financial Management Behavior. *Jurnal Majemen Teori dan Terapan*, 9(3), 226-24.
- Ishak, A.R. & Mohd Yazid, M. S. (2020). Tahap Literasi Kewangan di Kalangan Pekerja Sektor Awam: Kajian Majlis Amanah Rakyat (MARA). *Advanced Journal of Accounting and Finance*, 2(2), 1-13.
- Jarita D. & Selamah A. Y. (2013). Determinants of Risk Tolerance on Financial Asset Ownership : A Case of Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 14(1), 1-16.
- Juliati J. (2013). Corak Perbelanjaan dalam Kalangan Pelajar Sijil Modular Kebangsaan (SMK) Hiasan Pakaian Kolej Komuniti Temerloh. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (CiE-TVET 2013)*. Hlm. 74 – 88.
- Junaidi A. B., Sti Nor Isma, M. R. & Rosniza Aznie C. R. (2020). Faktor Mempengaruhi Pemilikan Rumah dalam Kalangan Isi Rumah Berpendapatan Sederhana. *Akademika*, 90 (Isu Khas 1/Special Issue), 115-127.
- Kamini Rai, Shikha Dua & Miklesh Yadav. (2019). Association of Financial Attitude, Financial Behaviour and Financial Knowledge Towards Financial Literacy: A Structural Equation Modeling Approach. *FIIB Business Review*, 8(1), 51–60.
- Keister, L. A., & Moller, S. (2000). Wealth inequality in the United States. *Annual Review of Sociology*, 16(26), 63-81.
- Kimiyaghalam, F., & Yap, S. (2017). Level of Financial Literacy in Malaysia. *International Journal of Research*, 1065-1074.
- Lerman, R., & McKernan, S.M. (2008). *The effects of holding assets on social and economic outcomes of families: A review of theory and evidence*. Washington, DC: The Urban Institute.
- Lim, V. K. G. & Teo, T. S. H. (1997). Sex, Money and Financial Hardship: An Empirical Study of Attitudes Towards Money Among Undergraduates in Singapore. *Journal of Economic Psychology*, 18(4), 369-386
- Lusardi, A. & Tufano, P. 2015. Debt literacy, financial experinces and overindebttness. *Journal of Pension Economics and Finances*, 14(4), 332-368.
- Maznita Mokhtar & Azman Ismail. (2013). Isu-isu shariah dalam pengurusan pinjaman seisi rumah: Kes Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 37, hlm. 63-76
- Mohamad Fazli, S. & Teo, T. J. (2014). The Influence of Financial Literacy, Saving Behaviour, and Financial Management on Retirement Confidence among Women Working in the Malaysian Public Sector. *Asian Social Science*, 10(14), 40-51.
- Mohd Azam Yahya & Abd Basir Mohamad. (2018). Penjawat Awam dan Pengaruh Terhadap Pembiayaan Peribadi. *Jurnal Maw'izah Maw'izah' Jilid 1*, 119-136.
- Murugiah, L. (2016). The Level of Understanding and Strategies to Enhance Financial Literacy among Malaysian. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 6(S3), 130-139.

- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Mat Noor Mat Zain & Ahmad Dahlan Salleh. (2017). Parameter Syariah bagi Pemilikan Bermanfaat (Beneficial Ownership) dalam kewangan Islam : Satu Cadangan. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*. 175-188
- Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167-177
- Nur Jannah Bukhari, Kim Keum Hyun & Aida Idris. (2018). Hubungan antara Pendapatan dan Perbelanjaan Harian Bagi Golongan Belia Melayu di Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 24-35.
- Nurul Liyana, H. & Liyana Syazwina, R. (2019). Literasi Kewangan Dalam Kalangan Pelajar di KUIM. *Journal of Business Innovation*, 4(1), 102-110.
- Nurulhayah Muhamad, Tijan Hanini Abdul Hamid, Nurul Liyana Hussin & Rohailin Zainon. (2019). Kesedaran Penjawat Awam Terhadap Kepentingan Takaful dalam Kalangan Belia di Hospital. *Journal of Business Innovation*, 4(2), 63-70.
- Remund, D.L. (2010). Financial literacy explicated: the case for a clearer definition in an increasingly complex economy. *The Journal of Consumer Affairs*, 44(2), 276-295.
- Rubayah Yakob & Nor Hamizah Abd Rahman. (2017). Analisis Pemilikan Takaful Keluarga atau Insurans Hayat Dalam Kalangan B40. *Jurnal Pengukursan Kualiti dan Analisis*, 13(2), 29-38.
- Rusliza, Y., Norsamsinar, S., Norlia, M. N., & Nor Hanani, N. R. (2018). Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan, Sikap Kewangan Dan Literasi Kewangan Pelajar. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(15), 40-4
- Searle B. A., & Köppe S. (2014). *Assets, savings and wealth, and poverty: A review of evidence. Final report to the Joseph Rowntree Foundation*. Bristol: Personal Finance Research Centre.
- Siti Ruhani Mohd Yusoff. (2016). *Peranan Sikap, Pengetahuan dan Amalan Kewangan Terhadap Pemerikasaan Ekonomi Ibu Tunggal*. (Sarjana Sastera dissertation).
- Stromback, C., Lind, T., Skagerlund, K., Vastfjall, D., & Tinghog, G. (2017). Does self-control predict financial behavior and financial well-being?. *Journal of Behavioral and Experimental Finance*, 14, 30-38.
- Turney, K. & Schneider, D. (2016). Incarceration and Household Asset Ownership. *Demography*, 53(6), 2075-2103.
- Xiao, J.J. & Anderson, G. (1997). Hierarchical Financial Needs Reflected by Household Financial Asset Shares. *Journal of Family and Economic*, 18(4), 333-355.
- Yiing, Jia Loke. (2015). Financial Knowledge and Behaviour of Working Adults in Malaysia. *The Journal of Applied Economic Research*, 9(1), 18-38.
- Zaimah, R. , Abd Hair, A., Sarmila, M.S., Sharifah Azizah, H., Mumtazah, O. (2014). Faktor-faktor Penentu Kesejahteraan Kewangan Pekerja Sektor Awam Berkahwin di Malaysia. *Prosiding PERKEM Ke-9*. 804-812.
- Zhang, Y. & Xiuzhen L.I. (2010). Investment Planning Factors and Risk Management in Personal Financial Planning. *International Conference on Management and Service Science*.
- Zulkainain Ahmad. (2017). *Analisis corak perbelanjaan penerima bantuan awal persekolahan dalam kalangan ibu bapa*. (Master dissertation). Retrieved from Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.